

Peniaga asing tak serik bakar jagung depan KLCC

Asap ganggu orang ramai, pernah dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Peniaga warga asing masih tidak serik apabila dilihat menjaja jagung bakar di hadapan Menara Berkembar Petronas meskipun pernah diambil tindakan sebelum ini.

Menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihaknya sekali lagi menggempur lokasi berkenaan selepas mendapati aktiviti terbabit berulang.

"DBKL mengambil tindakan sita terhadap barang jualan dan peralatan digunakan untuk berniaga.

"Tindakan sitaan dijalankan sebelum ini, namun penjaja warga asing terbabit kembali semula berniaga.

"Tindakan berterusan dan pemantauan berkala akan dijalankan sekitar kawasan tumpuan ini menerusi siri tindakan khas dirancang," kata kenyataan itu.

Terdahulu, aktiviti berkenaan pernah tular di media sosial Julai lalu selepas orang awam kurang senang dengan tindakan warga asing itu sehingga mengeluarkan asap di hadapan bangunan yang menjadi lokasi tarikan pelancong.

Susulan itu, DBKL melaksanakan tindakan khas terhadap penjaja warga asing yang berniaga tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil 3(1) Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016 dan Seksyen 47(1) (a) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.



Barang jualan yang disita DBKL dalam satu operasi khas.



Warga asing turut menjual minuman tin kepada pengunjung.